

MANDAT YG PERKUKUH

Bahaya jika kerajaan lemah

KUALA LUMPUR, — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini Malaysia memerlukan sebuah Kerajaan yang kukuh dan teguh dengan mandat penuh dari rakyat bagi menjamin keselamatan dan kestabilan negara.

Helau berkata, Kerajaan kukuh perlu bagi membolehkan negara menghadapi pembangunan yang lebih pesat serta berpegang teguh kepada nilai-nilai kerohanian yang tinggi dan mulia.

Menurutnya, jika Kerajaan lemah dan tidak mendapat sokongan majoriti rakyat, usaha-usaha dan perancangan pentadbirannya mungkin terganggu dan ia tidak dapat membuat keputusan dan tindakan tegas.

"Oleh itu, kita memerlukan mandat penuh supaya bebas mengambil tindakan dan melaksanakan tanggungjawab yang perlu kepada rakyat dan negara," ujar Datuk Seri Dr. Mahathir ketika mengumumkan manifesto Barisan Nasional 1982 di Ibu Pe-

jabat UMNO di sini. Perdana Menteri menjelaskan, salah satu sebab utama rakyat harus menyokong dan mengundi Barisan Nasional ialah bagi membolehkannya menubuhkan kerajaan kukuh dan teguh.

Helau berkata, dalam masa 25 tahun sejak merdeka, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang pesat membangun di bawah Kerajaan yang sentiasa stabil.

"Sekarang kita siap sedia menghadapi pembangunan lebih pesat," katanya sambil berpegang teguh kepada nilai-nilai kerohanian yang tinggi dan mulia, "ujar beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, "Kita tidak harus berserah kepada nasib semata-mata dan mestilah merobut segala kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai.

Helau mengingatkan, di saat pemutus di dalam sejarah perjuangan kita ini, sekiranya teralip langkah, teragak-agak, terpelembag atau berpecah belah, bermakna kita mengkhianati suriut yang ada dan aman-aman yang akan datang.



Bahan asal dari Akrib
Negara Malaysia

● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** menyatakan sesuatu kepada Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah selepas pelancaran Manifesto Barisan Nasional di Ibu Pejabat BN di Kuala Lumpur

semalam.

Turut serta ialah Setiausaha Agung merangkap Pengarah Pilihanraya BN, Enock Ghafor Babu (kanan).

Manifesto yang ditumukkan itu menekankan 29 perkara melleputi masalah

politik, ekonomi dan sosial di negara ini.

Ita dicetak dalam enam bahasa termasuk bahasa Iban dan Kadazan. Bahasa-bahasa lain ialah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. — Gambar Berita Harian oleh Mohd Yusof.